

TEKS AMANAT TAHUN 2018

YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF

MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA

PERHIMPUNAN BULANAN

KEMENTERIAN KERJA RAYA

BAGI BULAN JANUARI 2018

PADA

25 JANUARI 2018

(KHAMIS)

BERTEMPAT DI

DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID

KOMPLEKS KERJA RAYA

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

YB Datuk Hajah Rosnah bte Haji Abdul Rashid Shirlin
Timbalan Menteri Kerja Raya

YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia TKSU-TKSU, Ketua-Ketua Agensi, pegawai kanan kementerian dan agensi, tuan-tuan dan puan-puan warga Kementerian Kerja Raya yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Negaraku Malaysia dan Salam Sehati Sejiwa.

1. Terlebih dahulu sukacita saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah izin dan inayah-nya, maka kita dapat bersama berhimpun pada pagi yang mulia ini. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat baginda.

**2018 TAHUN KEJAYAAN DAN KEBERHASILAN YANG
MENGAGUMKAN**

2. Alhamdulillah kita telah melangkah ke tahun 2018 dan membuka lembaran baru dalam menongkah arus menggalas tanggungjawab sebagai penjawat awam iaitu menyampaikan aspirasi rakyat dan negara.

Menginjak ke tahun baharu ini, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas sumbangan semua warga kerja raya dalam melaksanakan tugas dan menyumbang kepada kejayaan kementerian dan agensi. Tanpa sumbangan dan keterlibatan seluruh warga kerja raya, mustahil untuk kita mencipta kejayaan pada tahun-tahun lalu dan mengukir lebih banyak kejayaan pada tahun-tahun akan datang. Untuk itu, saya menyeru dan memohon agar semangat kerjasama dan komitmen yang sedia ada tetap kukuh dan sentiasa diperhebatkan.

3. Dikesempatan perhimpunan pada awal tahun ini, saya amat menaruh harapan tinggi kepada warga kerja raya, untuk sama-sama berniat, berazam dan bertekad bagi memberikan perkhidmatan paling terbaik dengan berfikir di luar kotak kelaziman, kreatif dan inovatif, untuk mengangkat kementerian kita ke tahap yang jauh lebih cemerlang. Jika tahun 2017 lalu, adalah merupakan **Tahun Penyampaian**, tahun 2018 pula telah diisytharkan oleh YAB Perdana Menteri sebagai **TAHUN KEJAYAAN DAN KEBERHASILAN YANG MENGAGUMKAN** atau **YEAR OF SUCCESS AND IMPRESSIVE RESULT**.

4. Apa yang ingin ditekankan adalah perkhidmatan kerajaan terus berjaya dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, selain cemerlang untuk meningkatkan nilai dan kemahiran, termasuk menghasilkan kualiti kerja yang bertaraf global, produktiviti yang sentiasa bertambah serta mengamalkan budaya kreatif dan inovatif.

Y.Bhg. Dato' Sri/Dato'/Tuan/Puan,

5. Jika diimbas kembali, 2017 adalah tahun yang banyak membawa pencapaian kepada Malaysia. Dari segi ekonomi, Malaysia melangkaui

segala jangkaan dengan kadar pertumbuhan **6.2 peratus untuk suku ketiga tahun 2017**, berbanding pertumbuhan **4.3 peratus** pada suku ketiga tahun sebelumnya. Bank Dunia juga turut menyemak semula anggarannya untuk pertumbuhan Malaysia bukan sekali, bukan dua kali, tetapi tiga kali, iaitu dari **4.9 peratus kepada 5.8 peratus**. Seterusnya, banyak institusi global yang dihormati seperti Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia, telah memuji pertumbuhan ekonomi Malaysia yang begitu memberangsangkan serta pengurusan ekonomi berhemat oleh Kerajaan, selain mengakui bahawa, daya tahan dan daya saing ekonomi negara telah diperkuatkan.

6. Dengan situasi ekonomi yang mencabarkan pada masa ini, Malaysia dalam *World Economic Report Global Competitiveness Index 2017-2018* telah disenaraikan ditangga ke-23 dari 137 negara yang dinilai. Kedudukan kita yang naik daripada tangga ke-25 pada tahun 2016 ini membuktikan bahawa Malaysia masih GAGAH di rantau ASEAN setara dengan Singapura dan mampu bersaing dengan gergasi ekonomi seperti China dan India di ASIA. Komitmen padu Kerajaan dalam memastikan dasar ekonomi, infrastruktur yang lengkap dan sinergi kerjasama antara Kerajaan dan swasta akan mewujudkan persekitaran yang mesra pelaburan dan perdagangan.

7. Sentimen yang memberangsangkan ini dipermantapkan lagi dengan keyakinan yang ditunjukkan oleh masyarakat antarabangsa kepada Malaysia sepanjang tahun lalu. Dalam sesi perbincangan di bawah *Article IV Consultation Malaysia* oleh *International Monetary Fund* pada penghujung tahun 2017, wakil badan dunia tersebut telah merumuskan bahawa “*The Malaysian economy has shown resilience in recent years and continues to perform well*”. Tahun 2017 merupakan

tahun pemulihan bagi ringgit, yang menyaksikan ringgit kembali mengukuh secara perlahan-lahan. Peningkatan nilai mata wang ini, mencerminkan asas ekonomi kita yang kukuh dan berdaya tahan. Pada masa ini nilai ringgit terus mengukuh dan **telah melewati tahap di bawah RM4.00 bagi 1USD.**

KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

8. Saya percaya ramai yang keliru atau dikelirukan dengan momokan hutang Kerajaan Persekutuan berada di paras berbahaya dan Malaysia akan menjadi sebuah negara yang muflis. Sebenarnya, perkara ini adalah tidak benar sama sekali. Kerajaan telah menguruskan kadar hutangnya dengan baik sekali. Pada akhir Jun 2017, hutang Kerajaan Persekutuan adalah pada paras **50.9 % daripada KDNK**, yang mana ia masih **di bawah paras had yang ditetapkan Kerajaan iaitu 55 % daripada KDNK**. Ini menunjukkan hutang Kerajaan masih kekal terurus malah ia semakin berkurang berbanding **53.2 % pada akhir Jun 2016**. Ini merupakan pencapaian yang patut kita banggakan. Bukan itu sahaja, nisbah hutang Kerajaan berbanding KDNK adalah lebih baik berbanding negara maju seperti **Singapura (112%), United Kingdom (89.3%)** dan **Kanada (92.3%)** dan banyak lagi contoh-contoh yang lain. Justeru adalah tidak benar jika ada yang menuduh Kerajaan bakal muflis hanya berdasarkan hutang Kerajaan Persekutuan kerana kita pernah mempunyai nisbah hutang kepada KDNK sehingga **103.4 % antara tahun 2000 hingga 2008**. Kalau kita nak muflis, sudah lama kita muflis, tetapi tidak pun muflis. Kalau kita nak muflis pun, Jepun sepatutnya muflis terlebih dahulu kerana ia mempunyai nisbah hutang **239.2% daripada KDNKnya** dan menduduki tempat teratas negara yang hutangnya tinggi.

PENCAPAIAN 2017

Y.Bhg. Dato' Sri/Dato'/Tuan/Puan,

9. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pegawai-pegawai Kementerian dan Agensi yang telah memberi komitmen padu dan memainkan peranan yang sewajarnya sehingga membawa kejayaan kepada pencapaian **skor 110 peratus bagi KPI YB Menteri** sehingga 31 Disember 2017. Syabas dan tahniah kepada semua. Sebanyak **11 KPI untuk 2018** telah ditetapkan yang merangkumi pencapaian di bawah MKRA dan NKRA. Penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) tersebut telah diperhalusi dan dipersetujui bersama Pengurusan Tertinggi peringkat Kementerian dan Agensi, setelah mengambil kira pandangan, keupayaan dan kebolehcapaian KPI tersebut. Saya menyeru agar mereka yang terlibat dalam melaksanakan KPI tersebut di peringkat Kementerian serta Agensi agar terus meningkatkan inisiatif dan melonjakkan kecemerlangan sistem penyampaian perkhidmatan melalui pendekatan-pendekatan yang lebih transformasional kerana saya yakin Kementerian dan Agensi mempunyai pegawai-pegawai yang berwibawa untuk merealisasikan hasrat ini.

10. Disamping pencapaian itu, kita juga telah dapat menyempurnakan projek-projek berimpak tinggi sepanjang tahun lalu. Antaranya ialah:

- (i) Jalan Pintas Rawang (Rawang by Pass);
- (ii) Pembinaan projek 20 sekolah daif menggunakan kaedah IBS iaitu di Johor (4 buah), Melaka (4 buah), Negeri Sembilan (5 buah) dan Pahang (6 buah);

- (iii) Jambatan Batang Sadong Sarawak;
- (iv) Pembinaan sebanyak 1227 buah rumah kekal untuk mangsa banjir di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak;
- (v) Penggunaan teknologi baru **CupLump Modified Asphalt** (CMA) bagi pembinaan Lebuhraya Kota Baharu ke Kuala Krai, Kelantan;
- (vi) Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Bangunan Parlimen Malaysia (Fasa 2B);

BAJET 2018

11. Bajet 2018 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak bertemakan 'Memakmur Ekonomi Yang Inklusif, Mengimbang Keunggulan Duniawi Dan Ukhrawi, Demi Mensejahtera Kehidupan Rakyat, Menuju Aspirasi TN50, disifatkan sebagai ibu kepada segala bajet. Ini adalah kerana ia mencakupi semua lapisan masyarakat, negeri-negeri termasuk negeri yang diperintah oleh pembangkang.

12. Jumlah peruntukan bajet sebanyak **RM280.25 bilion**, meningkat daripada RM260.8 bilion pada 2017, dengan **RM234.25 bilion** untuk perbelanjaan mengurus dan **RM46 bilion** untuk perbelanjaan pembangunan. Daripada jumlah tersebut, Kementerian kita telah

diperuntukan sebanyak **RM5.768 bilion** iaitu kenaikan sebanyak **107.9%** berbanding tahun 2017, dimana sebanyak **RM2.004 bilion** adalah untuk belanja mengurus manakala sejumlah **RM3.763 bilion** pula untuk belanja pembangunan.

13. YAB Perdana Menteri dalam ucapan bajetnya telah menyatakan beberapa projek pembangunan khusus berkaitan dengan kementerian kita iaitu:

- a. Menyediakan jalan alternatif ke Pelabuhan Klang (RM110 juta);
- b. Lebuhraya Persisiran Pantai Barat dari Banting ke Taiping sedang dibina (RM5 bilion);
- c. Projek *Central Spine Road* - antaranya pakej jajaran Raub ke Bentong dan jajaran Gua Musang, Kelantan ke Kampung Relong, Pahang (RM230 juta);
- d. Lebuhraya Pan-Borneo (RM2 bilion);
- e. Pembaikan dan penyelenggaraan sekolah-sekolah daif melalui kaedah *Industrial Building System* (RM2.5 bilion untuk tempoh 2 tahun) iaitu RM500 juta di Semenanjung Malaysia, RM1 bilion di Sabah dan RM1 bilion di Sarawak;
- f. Memansuhkan kutipan tol di empat plaza tol iaitu di Batu Tiga, dan Sungai Rasau, Selangor; Bukit Kayu Hitam, Kedah; dan di Lebuh raya *Eastern Dispersal Link*, Johor.

14. Pelaksanaan projek sekolah daif merupakan sebuah projek berbentuk touch point kepada rakyat dan pelaksanaannya adalah di bawah mode segera. Tempoh pembinaan minima projek yang ditetapkan adalah selama 3 bulan. Program ini melibatkan penggantian bangunan lama yang uzur dan usang serta bangunan yang terlibat dengan banjir. Ia memberi impak besar kepada pelajar, guru dan ibu bapa di mana sekolah-sekolah tersebut mendapat bangunan baru yang lebih sempurna, cantik dan selesa untuk tujuan pembelajaran.

15. Jumlah keseluruhan sekolah yang terlibat bagi tahun 2018 adalah **418 buah** iaitu 180 buah di Semenanjung, 109 buah di Sabah dan 129 buah di Sarawak. Setakat ini JKR Malaysia telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan pembinaan sebanyak **252 buah (60.28%)**, iaitu 167 buah di Semenanjung, 37 buah di Sabah dan 51 buah di Sarawak. Jumlah bilangan sekolah yang tinggi ini mencerminkan bahawa Kerajaan berkeyakinan ke atas kemampuan JKR dan KKR membina sekolah daif walaupun di kawasan jauh di pedalaman Negeri Pahang. Tahniah dan syabas kepada JKR.

Y.Bhg. Dato' Sri/Dato'/Tuan/Puan,

16. Pemansuhan kutipan tol seperti yang diumumkan oleh YAB PM, berjaya direalisasikan hasil beberapa siri rundingan bersama-sama pihak berkepentingan sebagai bukti keprihatinan Kerajaan dalam mengurangkan kos sara diri dan meningkatkan kualiti hidup rakyat khususnya di Negeri Selangor, Kedah dan Johor. Dengan pemansuhan kutipan tol di Plaza Tol Sg. Rasau dan Batu Tiga di Selangor, dan Bukit Kayu Hitam, di Kedah, pengguna akan menikmati laluan tanpa tol 20 tahun lebih awal daripada tempoh yang ditetapkan dalam Perjanjian

Konsesi Lebuhraya PLUS. Bagi Lebuhraya EDL pula, pengguna di Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru hanya perlu membayar kutipan tol bagi PLUS untuk jajaran Tambak Johor sahaja.

17. Seramai 270 ribu penduduk sekitar Shah Alam dan Klang, 2800 penduduk sekitar Bukit Kayu Hitam, Kedah dan 42 ribu pengguna harian EDL bakal mendapat manfaat penjimatan kos kewangan hasil rundingan Kerajaan berhubung pemansuhan tol ini. Dianggarkan penduduk sekitar Bukit Kayu Hitam memperolehi penjimatan antara RM79.20 hingga RM108 sebulan. Bagi pengguna yang melalui Sungai Rasau pula mampu berjimat dari RM92.40 hingga RM126 sebulan manakala pengguna di Batu Tiga, Shah Alam mendapat penjimatan sebanyak RM48.40 hingga RM66 sebulan. Pengguna EDL, Johor pula jimat sebanyak RM299.20 sebulan. Malah Kerajaan Singapura turut memaklumkan untuk selaraskan kutipan tol dipintu masuk/keluar negara berkenaan hasil dari keputuan kerajaan kita.

18. Dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan khususnya semasa proses bayaran tol, mulai 14 Ogos 2017 LLM telah melaksanakan ‘pilot project’ penggunaan teknologi RFID bagi membantu LLM menilai keupayaan sistem dan kesesuaian teknologi. Pada masa ini, penggunaan teknologi RFID ini hanya terhad kepada kenderaan yang dikecualikan dari bayaran tol seperti Polis Diraja Malaysia dan juga Angkatan Tentera Malaysia. Selain itu, sistem ini turut diuji oleh kenderaan rasmi LLM dan kenderaan penyelenggaraan syarikat konsesi. Penggunaan teknologi ini bakal menyediakan satu lagi alternatif kaedah bayaran tol kepada pengguna lebuh raya. Sehingga Disember 2017 sistem ini telah di pasang di 49 Plaza tol di 18 lebuhraya yang terletak di Lembah Klang. Untuk makluman tuan/puan pelaksanaan teknologi RFID akan dilaksanakan

secara berperingkat setelah mendapat kelulusan dasar daripada Kerajaan.

19. Selain dari Lebuhraya WCE yang diumumkan oleh YAB PM dalam Bajet 2018, sebenarnya terdapat lima (5) projek lebuhraya lagi dan satu (1) persimpangan bertingkat sedang diteruskan pembinaan dalam tahun 2018 iaitu:

- (i) **Lebuhraya Lembah Kelang Timur (EKVE)** sepanjang 36.16km dengan kos RM1.551 bilion bermula dari Lebuhraya SILK hingga ke MRR2 di UK Perdana yang kini sudah 32% pembinaannya dan dijangka siap pada September 2019;
- (ii) **Lebuhraya Sungai Besi – Ulu Kelang (SUKE)** sepanjang 31.8km dengan kos sebanyak RM5.272bilion bermula dari Lebuhraya Shah Alam (KESAS) hingga ke Ukay Perdana. Pembinaan sudah menccapai 24.18% dan dijangka siap pada Ogos 2020.
- (iii) **Lebuhraya Damansara - Shah Alam (DASH)** bermula di Persimpangan Puncak Perdana dan berakhir di Damansara Perdana (Penchala Link) sejauh 20.1km dengan kos sebanyak RM 4.178 billion. Pembinaan setakat ini sudah mencapai 22.32% dan dijangka siap pada Ogos 2020.
- (iv) **Lebuhraya Putrajaya – KLIA (MEX 2)** menghubungkan Persimpangan Putrajaya dan Lebuhraya KLIA sepanjang 16.8km dengan kos sebanyak RM 1.25 billion. Pembinaan telah pun mencapai 35.52% dan dijangka siap pada Oktober 2019.

- (v) **Lebuhraya Setiawangsa Pantai (SPE)** atau lebih sebagai DUKE 3 bermula di Persimpangan Kerinchi (SPRINT) dan berakhir di Persimpangan Melati (di MRR2) sejauh 32.0km dengan kos sebanyak RM3.573 billion. Lebuhraya SPE dijadualkan siap pada November 2020 dimana sekarang ini sudah mencapai pembinaan 18.18%.
- (vi) **Persimpangan Bertingkat dan Plaza Tol Ampar Tenang** di KM35 Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE) dengan kos sebanyak RM91.6 juta dan dijangka siap pada Oktober tahun ini.

KEBAJIKAN PENJAWAT AWAM

Y.Bhg. Dato' Sri/Dato/Tuan/Puan,

20. Kerajaan amat menyanjung tinggi dan berterima kasih kepada penjawat awam yang sekian lama bersama pentadbiran kerajaan, saling ganding-berganding, lengkap-melengkap dan dukung-mendukungi. Pelbagai inisiatif dan penambahbaikan dilaksanakan demi membela kepentingan dan menjaga kebajikan penjawat awam. Selain pemberian BR1M kepada yang layak, antara inisiatif untuk penjawat awam ialah:

- Menaikkan gaji penjawat awam sebanyak 7 peratus hingga 13 peratus pada tahun 2012. Setiap tahun gaji penjawat awam dinaikkan termasuk melalui kenaikan pangkat dan tempoh perkhidmatan;

- Menaikkan pencen minimum daripada RM720 kepada RM820 bagi mereka yang berkhidmat selama 25 tahun atau lebih pada 2012;
- Penetapan gaji terendah daripada RM832 kepada RM1,200 sebulan mulai Julai 2016 dan pemberian pergerakan gaji tahunan sebanyak 3 peratus setahun kepada pegawai yang telah mencapai gaji maksimum;
- Melaksanakan penambahbaikan dari sudut kebijakan penjawat awam, antaranya menaikkan kadar Bantuan Sara Hidup atau COLA sebanyak RM50 sebulan pada tahun 2012 bagi penjawat awam yang tinggal di kawasan pinggir bandar dan menaikkan Imbuhan Tetap Perumahan minimum kepada RM300 sebulan pada 2015.

21. Dalam Bajet 2017 pula, kerajaan telah melaksanakan insentif lain antaranya:

- Kemudahan cuti belajar dengan gaji dibayar penuh bersama biasiswa diberikan juga kepada Kumpulan Pelaksana;
- Memberikan cuti kuarantin kepada penjawat awam yang anaknya sakit dan perlu dikuaratin menerusi cuti tanpa rekod selama lima hari;
- Had pinjaman pembelian motosikal bagi penjawat awam dinaikkan daripada RM5,000 kepada RM10,000;
- Menaikkan kelayakan pinjaman perumahan penjawat awam dengan kadar kelayakan antara RM200,000 hingga RM750,000;
- Sebanyak 30,000 unit Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia akan disiapkan dengan harga jualan sekurang-kurangan 20

peratus dibawah harga pasaran iaitu antara RM90,000 hingga RM300,000;

- Kerajaan turut melanjutkan kontrak selama setahun bagi pegawai ‘contract of service’ dan ‘contract for service’;
- Mewujudkan satu lapisan gred baru, iaitu gred 56 bagi pegawai perubatan pakar dan pegawai pergigian pakar.

22. Dalam Bajet 2018 pula pelbagai insentif lagi telah disediakan antaranya:

- Pemberian insentif dan penambahbaikan skim perkhidmatan awam termasuklah kenaikan pangkat berdasarkan masa kali kedua untuk Kumpulan Pelaksana, Waktu Kerja Fleksi bagi pakar perubatan, penambahan Waktu Kerja Berperingkat, pemberian Cuti Tanpa Rekod untuk menunaikan umrah dan peningkatan pencen terendah kepada RM1,000 untuk mereka yang berkhidmat sekurang-kurangnya 25 tahun;
- Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM1,500 bagi penjawat awam dan RM750 untuk pesara kerajaan;
- Penjawat wanita lantikan tetap dan kontrak yang mengandung 5 bulan dan ke atas dibenarkan pulang satu 1 jam lebih awal daripada masa bekerja biasa. Manfaat sama turut dinikmati suami yang bekerja di lokasi berdekatan.

23. Sesungguhnya, banyak lagi inisiatif dan insentif diumumkan oleh kerajaan yang amat prihatin dengan kebajikan kita semua. Oleh itu sebagai penjawat awam kita harus bertanya sejauh mana kita mensyukuri

nikmat yang kita perolehi ini. Kita harus faham dengan prinsip **wala'** iaitu nilai-nilai seperti cinta kasih, kepatuhan, sumpah setia, memberikan taat dan bai'ah yang perlu diberi kepada pemimpin yang sah dan institusi kepimpinan yang dijunjungnya. Jika prinsip dan nilai wala' ini menjadi amalan dalam perkhidmatan awam, barulah adanya disiplin dan kelancaran dalam organisasi yang menunjangi kerajaan ini.

24. Malahan, Ibnu Khaldun seorang tokoh ilmuwan besar Islam yang sangat terkenal dengan karya agungnya "Muqaddimah", bukan sahaja menghuraikan tentang ketamadunan secara umum, bahkan turut mengupas tentang kepentingan sifat kesetiaan sebagai pamacu kepada tadbir urus yang profesional. Turut disebut oleh Ibnu Khaldun lagi bahawa, golongan yang memiliki nilai kesetiaan tinggi adalah mereka yang hingga sanggup berkorban nyawa dalam melunasi setiap amanah yang diberikan.

INDUSTRI PEMBINAAN NEGARA

Y.Bhg. Dato' Sri/Dato/Tuan/Puan,

25. Industri pembinaan negara dijangka mampu mencatatkan pertumbuhan lebih baik pada tahun 2018 melalui pelaksanaan pelbagai projek pembinaan sama ada daripada sektor awam dan swasta yang akan menyumbang kepada KDNK negara. Bank Negara Malaysia melaporkan pada tahun 2017, industri pembinaan mencatatkan pertumbuhan 6.1 peratus kepada KDNK negara. Di mana, pertumbuhan 6.1 peratus boleh dianggap baik kerana angka itu masih tinggi dan melebihi pertumbuhan KDNK negara.

26. Pertumbuhan positif industri pembinaan pada tahun 2018 akan membabitkan semua projek awam dan swasta dalam kerja infrastruktur, pembinaan awam dan bangunan kediaman serta bukan kediaman. Bagi projek awam pula, jangkaan pertumbuhan industri pada tahun 2018 akan dipacu melalui projek seperti kerja menaik taraf sekolah daif, rangkaian Rel BerkelaJUAN Tinggi (HSR), Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), pembinaan Lebuhraya Central Spine Road (CSR), Lebuhraya Persisir Pantai Barat dan lain-lain.

27. Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020, melalui 4 teras strategik utama iaitu Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme; Kemampunan Alam Sekitar; Produktiviti dan Pengantarabangsaan, akan mentransformasikan industri pembinaan ke arah industri yang lebih produktif, mampan, selamat, berkualiti, profesional dan berdaya saing di peringkat antarabangsa. Ekosistem sektor pembinaan digerakkan oleh kontraktor, penyedia perkhidmatan huluan dan hiliran, bahan binaan dan modal insan akan dapat mempercepat pembangunan sektor industri yang mensasarkan penjanaan nilai projek sebanyak RM140 bilion pada tahun 2018.

28. Di bawah Teras Produktiviti, Kerajaan akan Mewajibkan Penggunaan Kaedah IBS Sebagai Salah Satu Syarat Kelulusan Pelan Bangunan Oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk mewajibkan penggunaan IBS bagi projek swasta bernilai RM50 juta dan ke atas dengan tahap minimum pengiraan skor IBS yang ditetapkan adalah sebanyak 50 Skor IBS. Mekanisme ini dilihat sebagai salah satu pendekatan terbaik untuk meningkatkan penggunaan kaedah IBS bagi projek pembinaan dalam sektor swasta. Ianya akan memberi impak

kepada industri pembinaan dengan peningkatan kualiti dan produktiviti pembinaan, menyeragamkan reka bentuk, mempercepatkan tempoh pembinaan serta seterusnya membantu usaha mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing tidak mahir dalam industri pembinaan.

29. Di bawah Teras Produktiviti juga, penggunaan kaedah Building Information Modelling (BIM) dalam perancangan projek pembinaan akan mengatasi pelbagai masalah yang sering dihadapi industri pembinaan konvensional, seperti projek lewat jadual dan pembaziran bahan binaan. BIM secara komprehensif akan dilaksanakan di dalam projek pembinaan 4 projek hospital kerajaan dalam tahun 2018. Sebelum ini, projek hospital yang begitu kompleks memerlukan perancangan yang teliti dan kos pembinaan yang tinggi. Dengan penggunaan BIM, ianya dapat mengurangkan pembaziran perbelanjaan dan tempoh pembinaan dapat dikurangkan kepada tahap yang paling minima.

30. Menerusi BIM, segala masalah tersebut dapat dikenal pasti di peringkat awal lagi, seawal lukisan bangunan tersebut dimodelkan dalam bentuk tiga dimensi (3D). Melalui pemodelan 3D yang dibangunkan, segala maklumat berkenaan sesebuah bangunan perlu lengkap sebelum model tersebut dapat dibangunkan. Menjadi hasrat Kementerian Kerja Raya untuk menggabungkan kaedah BIM ini dengan MyCrest bagi menyediakan persekitaran yang mampan dalam usaha kerajaan untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 40 peratus menjelang 2020.

31. Bagi projek pembinaan lebuh raya pula, kementerian sedang membangunkan Highway Information Modelling (HIM) yang akan mengintegrasikan BIM dan Geospatial Information System (GIS) dalam

fasa reka bentuk lebuh raya. Pembangunan HIM telah pun dijalankan pada tahun 2017 dengan Projek Pan Borneo Sarawak telah dijadikan projek perintis pembangunan HIM ini. Selain itu, pembangunan sistem pengurusan aset yang akan mengabungkan Computerised Maintenance Management System (CMMS) dan Highway Deterioration Management System (HDMS) bagi fasa penyelenggaran lebuh raya akan bermula pada tahun 2019. Insya Allah, jika penggunaan HIM bagi Pan Borneo siap kelak, KKR mempunyai penggunaan HIM yang terpanjang di dunia bagi satu – satu projek jalan raya.

32. Inisiatif dalam CITP pula dijangka akan meningkatkan 2.5 kali ganda produktiviti pekerja sektor pembinaan pada tahun 2020. Manakala, bagi kontraktor dan penggiat industri pembinaan, CITP melalui inisiatif-inisiatif yang digerakkan bersama oleh kerajaan dan swasta mensasarkan untuk sekurang-kurangnya 10 lagi syarikat berkaitan pembinaan mengeksport perkhidmatan ke pasaran global. Antara usaha yang sedang membuaikan hasilnya ialah projek-projek infrastruktur di India terutamanya di Rajasthan. Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk mempergiatkan lagi hubungan kerjasama antara Malaysia - India melalui pelaksanaan projek-projek infrastruktur yang melibatkan penyertaan syarikat-syarikat pembinaan Malaysia bernilai lebih RM5 bilion.

PENUTUP

Y.Bhg. Dato' Sri/Dato/Tuan/Puan,

33. Saya percaya peranan kita sebagai kakitangan kerajaan pada masa ini sangat besar, sangat mengujakan terutamanya dengan kehadiran lambakan teknologi gajet dan alam maya media sosial. Dalam

keghairahan itu, kita mempunyai peranan, marilah kita bersama-sama menyebarkan kebaikan, mencapai *delivery* dan usaha-usaha murni yang telah sekian banyak dilakukan oleh kerajaan demi kemaslahatan rakyat, selain, menangkis segala ‘perang persepsi’, propaganda dan tohmahan songsang yang dilemparkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab di media-media sosial.

34. Dalam Surah Al-Hujurat ayat 6, Allah berfirman:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini – dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) – sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”

35. Inilah yg dinamakan sebagai *tabayyun* iaitu menyelidiki dahulu sesuatu berita dengan teliti, sebelum mempercayai dan membuat keputusan mengenainya. Kita patut terbuka kepada sebarang teguran dan kritikan, namun teguran itu tidak wajar disulami dengan fitnah, cacian atau tohmahan jahat yang boleh jatuhkan aib dan bertujuan untuk menjatuhkan seseorang.

36. Penjawat awam mesti bekerja lebih keras dan gigih bersama barisan kepimpinan, bukan setakat untuk mengekalkan status Malaysia sebagai *role model* atau negara Islam contoh kepada negara-negara Islam lain, tidak juga sekadar berbangga apabila digelar sebagai antara model negara berbilang kaum yang paling berjaya di dunia, bahkan, lebih jauh daripada itu, sudah sampai masanya Malaysia membuktikan

kewibawaannya untuk menjadi ‘global player’ yang berjaya dalam segenap dimensi dan sudut. Kita semua mahukan negara dan kerajaan ini terus kukuh dan mantap, stabil serta berpadu dan maju berjaya dalam semua aspek serta bidang utama, baik di sudut ekonomi, keselamatan, politik, agama, pendidikan, budaya dan sosial, yang membawa kepada limpahan kemakmuran serta kesejahteraan hidup rakyatnya. Oleh itu **bangkitlah warga Kerja Raya semua untuk sama – sama berjuang bagi mengekalkan kestabilan Negara kerana dengan kestabilanlah yang dapat menjamin semua yang kita capai sekarang ini akan terus kekal.**

37. Mudah-mudahan tahun 2018 ini, akan memberikan lebih banyak kejayaan dan keberhasilan yang mengagumkan kepada Malaysia. Didoakan, semoga majulah Malaysia, Rahmatilah rakyat dan negaranya, di bawah keberkatan serta lindungan Allah SWT sampai bila-bila. Insya-Allah. Sekian.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.